

## MODUL CEMERLANG SET 2 : DRAMA

### STRUKTUR

ZAKI : Dapatkah kaulupakan *White Christmas* dan *Trafalgar Square*? (Bercakap dengan lebih lembut)

ANNA (memotong) : Aku dah lupakan peristiwa itu. Usah engkau ulangi lagi.

ZAKI (tak hiraukan ANNA): Kaukatak, kau setia kepadaku. Kau kata akulah lelaki pertama dan terakhir buatmu.....

ANNA (mengejek): Ah, lelaki pertama dan terakhir....

ZAKI : Kemudian kaubawa aku berjumpa dengan *daddymu*.

ANNA: Aku menyesal peristiwa itu berlaku.

( *Dipetik daripada drama ANNA oleh Kemala* )

1. Berikan dua **teknik penceritaan** berdasarkan petikan di atas. [ 4markah].

MAT PIAH: Fort Cornwallis ni tutup, tuan. Esok pukul sembilan pagi baru buka. Saya hairan, kenapa tuan nak berjalan-jalan pagi-pagi buta ni, tuan? Esok tak boleh? Tuan tak mahu balik tidur? Tuan tinggal di hotel mana?

2. Jelaskan **satu latar tempat** dan **satu latar masa** yang terdapat dalam petikan di atas. [4 markah]

## ESEI

BLACKWAY : Awak cuma penarik beca. Siapa peduli? Tapi, saya orang besar. Saya James Rolland Blackway. Saya pegawai kanan Francis Light! Saya kawan baik Francis Light dan Stamford Raffles! Awak kenal Francis Light? (*Berkata dengan bangga*)

MAT PIAH : Tuan kawan baik Francis Light? Saya kawan baik Prince Charles! (*MAT PIAH tergelak*)

BLACKWAY : Jangan main-main sama saya punya kawan. Dia yang buka ini *Puloo* Pinang. (*MAT PIAH ketawa terbahak-bahak lagi*)

MAT PIAH : *Puloo* Pinang? Tuan, walaupun saya pernah masuk hospital gila tapi saya tak cukup gila nak percaya cakap tuan ni. *Puloo* Pinang? Lucu sangat! (*MAT PIAH ketawa lagi*)

1. a) Berdasarkan petikan, huraikan **dua perwatakan** MAT PIAH. [4 markah]  
b) Jelaskan **dua unsur sejarah** yang terdapat dalam petikan . [8 markah]  
c) Berdasarkan keseluruhan drama, nyatakan dua teknik plot beserta contoh . [8 markah]

2. Berdasarkan drama ANNA karya Kemala :

- a) Nyatakan **satu latar tempat** dan **satu latar masa** yang terdapat dalam drama. (4 markah)
- b) Huraikan **dua latar masyarakat** dalam drama ANNA ( 8 markah)
- c) Huraikan **dua** kritikan sosial dalam drama ANNA (12markah)